



15 JUL, 2024

Syor buka pejabat JKDM Gua Musang dipertimbang

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Syor buka pejabat JKDM Gua Musang dipertimbang

Langkah tingkat penguatkuasaan, usaha banteras penyeludupan

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Tumpat: Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan pembukaan pejabat penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Gua Musang, dalam usaha mengekang kegiatan penyeludupan di daerah berkenaan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pihaknya kini dalam fasa pasca prabelanjawan dan akan mulakan jelajah sekali gus bakal menerima banyak cadangan untuk dimasukkan dalam senarai

belanjawan.

“Apabila ada cadangan mengenai (pembukaan pejabat penguatkuasaan Kastam) Gua Musang, kita tengok macam mana.

“Kita akan terima cadangan banyak pihak untuk mengutarakan apa yang perlu dimasukkan dalam belanjawan nanti,” katanya ketika sidang media di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pengkalan Kubor, di sini, semalam.

Terdahulu beliau hadir di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Kubor sempena lawatan kerja.

Hantar kertas kerja

Media sebelum ini melaporkan Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long akan menghantar kertas kerja kepada Putrajaya untuk cadangan pembukaan pejabat penguatkuasaan.



Amir Hamzah beramah mesra dengan sebahagian pegawai JKDM Kelantan ketika melawat Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Kubor, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Menurut Wan Jamal, banyak aktiviti penyeludupan berlaku di Gua Musang, sedangkan lokasi berkenaan jauh dan mengambil masa tiga jam perjalanan dari

Kota Bharu.

Malah, ada ketikanya operasi yang dijalankan di daerah itu gagal disebabkan perjalanan yang mengambil masa.



15 JUL, 2024

Syor buka pejabat JKDM Gua Musang dipertimbang

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Kota Bharu. Malah, ada ketikanya operasi yang dijalankan di daerah itu gagal disebabkan perjalanan yang mengambil masa.

Langkah tingkat penguatkuasaan, usaha banteras penyeludupan

Tumpat: Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan pembukaan pejabat penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Gua Musang, dalam usaha mengekang kegiatan penyeludupan di daerah berkenaan.